



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BANCI EKONOMI 2026: DATA NADI EKONOMI RAKYAT

**Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 di Sabah Melempi Paras
60 Peratus**

KOTA KINABALU, 25 JUN 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Sabah telah berjaya membanci lebih 60 peratus daripada keseluruhan pertubuhan ekonomi yang disasarkan di negeri ini. Pelaksanaan Banci Ekonomi (BE) 2026 di Sabah akan melibatkan hampir 90,000 pertubuhan yang meliputi pertubuhan mikro, kecil, sederhana dan besar. Pencapaian tersebut mencerminkan komitmen tinggi pelbagai pihak dalam memberikan kerjasama sepanjang pelaksanaan BE2026 serta menunjukkan kemajuan positif ke arah mencapai sasaran liputan pembancian yang ditetapkan.

Bagi meningkatkan kadar kejayaan BE2026, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) Negeri Sabah telah menganjurkan **Sesi Libat Urus Banci Ekonomi 2026 (BE2026) Bersama Badan Profesional dan Persatuan Perniagaan Negeri Sabah** bertempat di Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah. Sesi libat urus ini telah dirasmikan oleh **YB Datuk Dr. Jonnybone J. Kurum, Pembantu Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah**, dan turut dihadiri oleh wakil-wakil badan profesional, persatuan perniagaan, agensi kerajaan serta pihak industri yang memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi negeri.

BE2026 yang membawa tema “Data Nadi Ekonomi Rakyat” merupakan banci ekonomi keenam yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Banci ini bertujuan mengumpul maklumat terperinci berkaitan prestasi dan struktur ekonomi negara bagi menyokong perancangan, pelaksanaan serta penilaian dasar pembangunan yang lebih berkesan dan inklusif.

YB Datuk Dr. Jonnybone J. Kurum, Pembantu Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah berkata, “Pelaksanaan BE2026 amat penting dalam menyokong agenda pembangunan negeri menerusi Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) 2.0 bagi tempoh 2026 hingga 2030. SMJ 2.0 memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi bernilai tinggi, pembangunan modal insan, kesejahteraan rakyat serta kemampanan alam sekitar. Kejayaan pelaksanaannya memerlukan data

yang lengkap, tepat dan terkini bagi menyokong proses perancangan, pelaksanaan dan pemantauan dasar.”

Pembantu Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah, YB Datuk Dr. Jonnybone J. Kurum turut menyatakan bahawa kerajaan negeri Sabah menasaskan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Sabah mencapai RM100 bilion menjelang tahun 2030, sejajar dengan aspirasi untuk mewujudkan ekonomi yang lebih berdaya tahan, inklusif dan mampan.

KDNK merupakan indikator utama yang digunakan untuk mengukur prestasi dan saiz ekonomi sesebuah negeri dalam tempoh tertentu. Pada tahun 2024, KDNK Sabah mencatatkan nilai RM84.3 bilion dengan sektor Perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada ekonomi negeri, merekodkan nilai tambah sebanyak RM44.2 bilion. Sektor Perlombongan dan Pengkuarian menyumbang sebanyak RM18.6 bilion, diikuti sektor Pertanian sebanyak RM12.2 bilion, sektor Pembuatan RM6.1 bilion dan sektor Pembinaan RM3.0 bilion.

Berdasarkan dapatan Banci Ekonomi 2023, sebanyak 68,267 pertubuhan direkodkan beroperasi di Sabah dengan nilai output kasar berjumlah RM182.5 bilion dan nilai ditambah sebanyak RM96.9 bilion. Aktiviti ekonomi negeri melibatkan seramai 610,058 pekerja dengan jumlah gaji dan upah sebanyak RM14.6 bilion, manakala nilai harta tetap direkodkan sebanyak RM120.3 bilion.

Sektor Perkhidmatan terus menjadi tulang belakang ekonomi Sabah dengan 62,527 pertubuhan atau mewakili lebih 90 peratus daripada keseluruhan pertubuhan di negeri ini. Sektor ini menyumbang RM47.7 bilion output kasar dan RM26.7 bilion nilai ditambah dengan jumlah pekerja seramai 306,117 orang. Selain itu, sektor Pembuatan merekodkan 1,667 pertubuhan dengan output kasar sebanyak RM48.9 bilion. Sektor Perlombongan dan Pengkuarian yang terdiri daripada 64 pertubuhan menjana nilai ditambah tertinggi iaitu RM40.9 bilion. Sektor Pertanian pula mencatatkan 1,877 pertubuhan dengan output kasar RM26.9 bilion dan guna tenaga seramai 170,339 orang, manakala sektor Pembinaan merekodkan 2,132 pertubuhan dengan 66,705 pekerja.

YB Datuk Dr. Jonnybone J. Kurum, Pembantu Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah turut menegaskan bahawa data berkualiti merupakan asas penting dalam memperkasa ekonomi Sabah, khususnya bagi mengenal pasti peluang baharu dalam sektor perindustrian, perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), ekonomi digital, pelancongan, logistik, pertanian moden serta sektor-sektor strategik yang lain. Penglibatan aktif semua pihak dalam BE2026 bukan sahaja membantu DOSM menghasilkan statistik berkualiti, malah turut menyumbang kepada perancangan pembangunan ekonomi Sabah yang lebih berkesan pada masa hadapan.

Sementara itu, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan bahawa pelaksanaan BE2026 dilaksanakan mengikut tiga fasa. Fasa Pertama, yang berlangsung dari Januari hingga Februari 2026, melibatkan

pengumpulan data bagi pertubuhan sektor informal dan mikro. Fasa Kedua, dari Mac hingga Jun 2026, merupakan tempoh utama pengumpulan data bagi pertubuhan mikro, kecil dan sederhana. Seterusnya, Fasa Ketiga yang dilaksanakan dari Jun hingga Oktober 2026 melibatkan pengumpulan data bagi pertubuhan sederhana dan besar. Pendekatan berfasa ini membolehkan proses pengumpulan data dilaksanakan secara lebih sistematik, menyeluruh dan berkesan bagi memastikan statistik yang dihasilkan adalah tepat, berkualiti serta mencerminkan landskap ekonomi semasa negeri.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia turut berkata, "Data yang dihasilkan melalui BE2026 akan membantu kerajaan memahami dengan lebih mendalam landskap ekonomi semasa, mengenal pasti sektor yang berpotensi tinggi serta merangka strategi pembangunan yang lebih berkesan. Dapatan banci bukan sahaja penting kepada kerajaan, malah menjadi rujukan utama kepada pihak industri, pelabur, institusi kewangan, penyelidik dan penggubal dasar dalam membuat keputusan yang lebih tepat dan berimpak tinggi. Penyertaan aktif semua pihak akan membantu meningkatkan kadar respons, sekali gus memastikan statistik yang dihasilkan lebih tepat, berkualiti dan mencerminkan keadaan sebenar ekonomi negeri."

Dalam pada itu, YB Datuk Dr. Jonnybone J. Kurum, Pembantu Menteri Perindustrian, Keusahawanan dan Pengangkutan Sabah menyeru semua persatuan dan organisasi untuk menjadi rakan strategik kepada DOSM dengan membantu menyebarkan maklumat berkaitan BE2026 kepada ahli masing-masing.

DOSM turut memberi jaminan bahawa semua maklumat yang diberikan oleh responden adalah sulit dan hanya digunakan bagi tujuan penyediaan statistik rasmi negara. Kerahsiaan maklumat responden sentiasa dipelihara selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

DOSM menyeru semua pertubuhan yang terlibat untuk memberikan kerjasama sepenuhnya sepanjang pelaksanaan BE2026 bagi memastikan data yang dikumpulkan dapat dimanfaatkan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan yang lebih berkesan, inklusif dan mampan demi kesejahteraan rakyat.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema "**Data Nadi Ekonomi Rakyat**". Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian

ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
NEGERI SABAH
25 JUN 2026**

1. Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri



2. Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Negeri Sabah



3. Pelaksanaan Banci Ekonomi 2026 (BE 2026) mengikut 3 Fasa

